

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**SOALAN NO. 63**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan perancangan pemulihan isu hutang peneroka FELDA yang tidak dapat diselesaikan hingga ke hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebijakan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)" di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.
2. Hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu Hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada Hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), Hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan Hutang Baja. Berdasarkan kategori hutang tersebut, Hutang Pembangunan Kebun (Pembangunan Tanam Semula) adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka iaitu sebanyak RM6.5

bilion, diikuti dengan Hutang Sosio Ekonomi sebanyak RM1.1 bilion dan Hutang Baja sebanyak RM131 juta.

3. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar hutang Bayaran Kembali Sementara (BKS) hanya akan dimuktamadkan selepas dikunci pada tahun kelapan setelah tanaman semula berhasil.
4. Untuk membiayai kos penanaman semula, FELDA terpaksa menanggung kos kewangan yang besar melalui pinjaman dari institusi kewangan yang mengenakan kadar faedah di antara 4% hingga 6%. Seterusnya, FELDA mengenakan faedah pada kadar efektif 3.8% bagi pinjaman yang dibuat oleh peneroka bagi Pembangunan Tanam Semula.
5. Sepertimana diumumkan dalam Kertas Putih FELDA, Kerajaan bersetuju memberi bantuan berjumlah RM2 billion untuk menghapuskan kadar faedah di atas kos penanaman semula, Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil yang ditanggung oleh peneroka.
6. Kesemua hutang peneroka dirumuskan dalam satu rumusan penyata hutang yang dikenali sebagai e-Penyata. Peneroka sama ada kebunnya diurus FELDA atau agennya iaitu Felda Technoplant Sdn Bhd (FTPSB) akan menerima e-Penyata hutang peneroka ini setiap suku tahun yang telah pun mula diedarkan semenjak Disember 2016.
7. Selain itu, FELDA juga telah mewujudkan *Standard Operating Procedure (SOP)* baharu iaitu Prosedur Penyediaan Penyata Hutang Tanam Semula Peneroka dan sedang menambahbaik sistem *Fix Loan Repayment Schedule (FLRS)* bagi memuktamadkan hutang tanam semula peneroka.
8. Bagi menambahbaik penyampaian maklumat hutang kepada peneroka, FELDA melalui Program Transformasi FELDA sedang menambahbaik e-Penyata tersebut dengan format baharu yang lebih terperinci dan akan diedarkan secara bulanan selepas ini.

Sekian, terima kasih.